Kecederaan bermaksud kecederaan anggota badan yang dialami akibat Ragut atau Percubaan Ragut dan bukan akibat uzur, penyakit, atau kemerosotan fizikal atau mental secara beransur-ansur yang terjadi sepanjang Tempoh Insurans.

Orang Yang Diinsuranskan bermaksud individu Pemegang Kad ATM berdaftar yang merupakan warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas pekerjaan atau bekerja secara sah di Malaysia dan menetap secara sah di Malaysia. Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur antara lapan belas (18) tahun dan (70) tahun.

Pengamal Perubatan bermaksud Pengamal Perubatan yang layak dan dilesenkan di bawah pihak berkuatu kuasa perubatan bagi negara itu di mana rawatan disediakan dan mengamalkan di dalam bidang perlesenan dan latihannya.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh perlindungan Orang Yang Diinsuranskan berkuatu kuasa, di mana tarikh Polisi bermula hingga tarikh perlindungan insurans berakhir, bergantung kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian seperti yang tertera di dalam Polisi ini dan Jadual atau Endorsemen.

Hilang Upaya Kekal bermaksud keadaan-keadaan seperti yang diterangkan di dalam Bahagian 2 Item C di bawah Skala Faedah-Faedah.

Barangan Peribadi merujuk kepada semua barangan yang boleh dinilai harganya (kecuali Wang Tunai) di mana berada bersama Orang Yang Diinsuranskan ketika berlakunya Ragut atau Percubaan Ragut. Barangan-barangan itu adalah kad pengenalan, pasport, lesen memandu, kad-kad kredit/caj, Kad ATM, kad akses untuk masuk ke bangunan/tempat parkir, cermin mata, cermin mata hitam, kamera, kunci rumah, telefon bimbit, dompet, tas tangan dan beg tangan.

Polisi bermaksud Polisi kepada insurans ini dikeluarkan oleh Syarikat untuk faedah Orang Yang Diinsuranskan yang dibaca bersama dengan Jadual dan semua Endorsemen yang berkaitan (jika ada).

Keadaan Sedia Ada bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom:

- di mana rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosis telah didapatkan dan diterima atau telah dijangka dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum Orang Yang Diinsuranskan melengkapkan Borang Cadangan dan menandatangani pengakuan kepada Syarikat;
- di mana telah diketahui atau tidak diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan wujud sebelum Borang Cadangan dilengkapkan dan ditandatangani pengakuan kepada Syarikat sama ada atau tidak rawatan atau perubatan, nasihat atau diagnosis telah didapatkan atau diterima.

Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan bermaksud jumlah yang diinsuranskan berdasarkan jenis pelan yang dibeli. Jumlah sebenar jumlah yang diinsuranskan di dalam Ringgit Malaysia (RM/MYR) adalah dinyatakan di dalam Jadual atau Endorsemen.

Borang Cadangan bermaksud borang yang dilengkapkan berkaitan dengan Pemegang Kad ATM untuk dipertimbangkan oleh Syarikat sama ada untuk menerima dan melindungi orang yang dinamakan.

Jadual bermaksud dokumen yang dikeluarkan untuk Orang Yang Diinsuranskan berdasarkan Borang Cadangan yang diterima oleh Syarikat dengan perincian mengenai maklumat seperti butiran Orang Yang Diinsuranskan dan faedah-faedah yang berkenaan yang disediakan di bawah Polisi ini.

Ragut atau Percubaan Ragut bermaksud tindakan atau mencuri secara paksa atau mencuba untuk mencuri Barangan Peribadi dari Orang Yang Diinsuranskan. Bagi tujuan Polisi ini, Ragut atau Percubaan Ragut juga merangkumi perlindungan rompakan atau cubaan merompak dan ragut – suatu situasi di mana Barangan Peribadi Orang Yang Diinsuranskan dirampas, atau cubaan sepertinya, daripada kenderaan Orang Yang Diinsuranskan yang sedang bergerak.

Bahagian 2 – Skala Faedah

A. Kehilangan Wang Tunai yang Dikeluarkan dari ATM

Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Orang Yang Diinsuranskan di atas kehilangan Wang Tunai akibat Ragut atau Percubaan Ragut sehingga ke jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual atau Endorsemen.

Faedah ini boleh dibayar jika berlaku seperti berikut:

- Kehilangan Wang Tunai akibat Ragut atau Percubaan Ragut, seperti yang dinyatakan di dalam, berlaku di dalam tempoh dua puluh empat (24) jam pengeluaran di ATM dari Akaun Bank Orang Yang Diinsuranskan;
- Laporan polis mesti dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam berlakunya Ragut atau Percubaan Ragut.

Pengecualian kepada Faedah A

- Kerugian akibat penipuan, ketidakjujuran atau tindakan jenayah yang dilakukan oleh Orang Yang Diinsuranskan, orang yang dikenali oleh Orang Yang Diinsuranskan atau ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan, sama ada bertindak secara sendiri atau bersubahat dengan yang lain;
- Kerugian akibat menggunakan Kad ATM palsu;
- Kerugian akibat kecurian Kad ATM;
 - Transaksi yang tidak sah dan transaksi palsu;
 - Penjelasan yang tidak boleh diterima atas kehilangan Wang Tunai (di mana tidak munasabah atau fakta palsu atau dibuktikan secara saintifik) oleh Syarikat.
- Kerugian akibat Kad ATM Orang Yang Diinsuranskan digunakan secara tidak sah oleh ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan atau pun orang dikenalnya, sama ada dibenarkan atau tidak.

B. Kehilangan atau Kerosakan kepada Barangan Peribadi

Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Orang Yang Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual atau Endorsemen di atas kehilangan atau kerosakan terhadap Barangan-barangan Peribadi akibat Ragut atau Percubaan Ragut sepanjang tempoh sah Polisi ini. Pampasan bagi fi/caj yang ditanggung untuk penggantian kad pengenalan, pasport, lesen memandu, kad-kad kredit/caj, Kad ATM, kad akses untuk masuk ke bangunan/tempat parkir. Kos atau perbelanjaan yang terlibat akibat kehilangan cermin mata, cermin mata hitam, kamera, kunci rumah, telefon bimbit, dompet, tas tangan dan beg tangan.

Faedah ini boleh dibayar jika berlaku seperti berikut:

- Laporan polis mesti dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam berlakunya Ragut atau Percubaan Ragut.
- Dokumentasi yang menyatakan nilai dan hakmilik.

Pengecualian kepada Faedah B

- Sebarang caj palsu/tidak disahkan pada Kad ATM yang hilang;
- Kerugian akibat seluk saku;
- Kerugian akibat penipuan, ketidakjujuran atau tindakan jenayah yang dilakukan oleh Orang Yang Diinsuranskan, orang yang dikenali oleh Orang Yang Diinsuranskan atau ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan, sama ada bertindak secara sendiri atau bersubahat dengan yang lain;
- Kerugian atau kerosakan terhadap Barangan Peribadi Orang Yang Diinsuranskan secara langsung atau tidak langsung akibat:
 - Secara sengaja atau berniat jahat atau kelaianan atau kecuai Orang Yang Diinsuranskan;
 - Hilang, tersalah letak atau kehilangan misteri; dan
 - Cela, calar, cat yang mengelupas atau apa-apa kerosakan terhadap rupabentuk barangan Orang Yang Diinsuranskan yang tidak menjejaskan fungsinya.
- Kerugian akibat sebarang kejadian selain dari kejadian Ragut atau Percubaan Ragut, seperti api, air, koyak dan lusuh, kecacatan oleh pengeluar, haiwan perosak, serangga, pembersihan atau pembaikan, atau kejadian-kejadian seumpamanya;
- Tunai, cek-cek, tiket-tiket pengangkutan, atau barangan yang seumpamanya yang hilang atau rosak.

C. Kematian dan Hilang Upaya Kekal

Syarikat bersetuju sekiranya di dalam Tempoh Insurans berkuatkuasa Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan anggota badan akibat keganasan, kemalangan, kesan luaran dan nyata ketika kejadian Ragut atau Percubaan Ragut yang mengakibatkan Kematian, Hilang Upaya Kekal atau Hilang Kegunaan Anggota berlaku di dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Kerugian, Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan atau penama-penama yang dinyatakan (dalam ketiadaan penama yang dinamakan, maka wakil guaman peribadi Orang Yang Diinsuranskan itu), faedah yang bersesuaian seperti yang dinyatakan di dalam Skala Faedah-Faedah seperti yang tertera di bawah.

	Peratusan (%) Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
Kematian	100%
Hilang Upaya Kekal	
Hilang dua anggota	100%
Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari, atau kedua-dua ibu jari	100%
Hilang penglihatan kedua-dua belah mata	100%
Lumpuh sepenuhnya	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar kekal di katil	100%
Kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Kekal	100%
Hilang tangan hingga ke bahu	100%
Hilang tangan di antara bahu dengan siku	100%
Hilang tangan hingga ke siku	100%
Hilang lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
Hilang tangan hingga ke pergelangan tangan	100%
Hilang kaki	
- di pinggul	100%
- di antara lutut dan pergelangan kaki	100%
- bahagian bawah lutut	100%
Mata : Hilang	
- keseluruhan mata	100%
- keseluruhan penglihatan di sebelah mata	100%
- penglihatan kecuali persepsi cahaya	50%
Hilang empat jari (kecuali ibu jari) dan ibu jari sebelah tangan	50%
Hilang empat jari (kecuali ibu jari)	40%

Hilang ibu jari	- kedua-dua ruas	30%
	- satu ruas	15%
Hilang jari telunjuk	- tiga ruas	15%
	- dua ruas	10%
	- satu ruas	5%
Hilang jari hantu	- tiga ruas	8%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
Hilang jari manis	- tiga ruas	6%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
Hilang jari kelengkeng	- tiga ruas	5%
	- dua ruas	4%
	- satu ruas	3%
Hilang metakarpal	- pertama atau kedua (tambahan)	4%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
Hilang jari kaki	- kesemua (dari satu kaki)	20%
	- besar, kedua-dua ruas	8%
	- besar, satu ruas	3%
	- selain yang besar, jika kehilangan lebih dari satu jari, setiap satu	2%
Hilang kekal pendengaran kedua-dua telinga dan pertuturan		100%
Hilang pendengaran	- kedua-dua belah telinga	75%
	- sebelah telinga	15%
Hilang pertuturan		50%
Kependekan tangan	- lebih dari 1" (inci) sehingga 2" (inci)	2.5%
	- lebih dari 2" (inci) sehingga 4" (inci)	5%
	- lebih dari 4" (inci)	12.5%
Kependekan kaki	- lebih dari 1" sehingga 2" (inci)	5%
	- lebih dari 2" (inci) sehingga 4" (inci)	10%
	- lebih dari 4" (inci)	25%

Hilang Kegunaan Kekal Anggota Sepenuhnya akan dikira sebagai kehilangan anggota. **Hilang Keupayaan Bertutur Kekal** bermaksud hilang keupayaan kekal untuk berkomunikasi melalui pertuturan.

Kehilangan Keseluruhan Penglihatan Sebelah Mata bermaksud kehilangan keseluruhan penglihatan bagi sebelah (1) mata yang kekal dan tidak dapat dipulihkan semula dari segi pembedahan atau sebarang rawatan lain.

Agregat bagi semua peratusan yang boleh dibayar di bawah Skala Faedah-Faedah seperti yang dinyatakan bagi setiap satu kejadian Ragut atau Percubaan Ragut tidak boleh melebihi 100% dari Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan sama ada bagi Kematian dan/atau Hilang Upaya Kekal dan kesemua perlindungan insurans dengan ini akan berhenti berkuatkuasa dengan serta-merta. Sebarang kehilangan lain yang mana kurang dari 100% dari Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan jika telah dibayar di dalam agregat di bawah Faedah C akan mengurangkan jumlah perlindungan mengikut jumlah tersebut bermula dari Tarikh Kerugian sehingga berakhirnya Polisi ini. Bagi sebarang kejadian, jumlah maksimum kerugian yang boleh dituntut bagi setiap Polisi bagi setiap Tempoh Insurans ialah RM 10,000.00.

Pengecualian bagi Faedah C

Polisi ini tidak melindungi Kematian atau Kecederaan/hilang upaya secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut:

- Sebarang kecacatan kongenital yang terjadi atau didiagnos sebelum Orang Yang Diinsuranskan melengkapkan Borang Cadangan;
- Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV);
- Jangkitan bakteria (kecuali jangkitan yang bernanah akibat luka kemalangan atau lelasan), dan/atau sebarang jenis penyakit,

dan/atau rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali berlaku kecederaan akibat kemalangan di mana ianya berlaku ketika Polisi masih berkuatkuasa);

- Pembedahan kosmetik atau plastik atau sebarang pembedahan elektif;
- Ketidaksiuman, bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras), mencederakan diri sendiri secara sengaja atau cubaan seumpamanya;
- Mabuk akibat pengaruh alkohol (melebihi had yang dibenarkan) dan/atau dadah (melebihi had yang dibenarkan) dan/atau penyalahgunaan dadah;
- Pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif, bahan-bahan senjata nuklear;
- Keadaan Sedia Ada;
- Pembunuhan atau serangan yang didorong di mana diprovokasi oleh Orang Yang Diinsuranskan.

D. Pendapatan Hospital

Jika sekiranya Orang Yang Diinsuranskan perlu dimasukkan ke Hospital akibat Kecederaan yang dialami ketika Ragut atau Percubaan Ragut, Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan faedah harian seperti yang dinyatakan di dalam Jadual atau Endorsemen bagi sepanjang tempoh Penghospitalan, sehingga maksimum tiga puluh (30) hari. Faedah ini hanya boleh digunapakai sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital lebih dari dua belas (12) jam dari waktu kemasukan ke Hospital.

Bahagian 3 – Pengecualian Am

Polisi ini tidak melindungi Kematian atau Kecederaan/hilang upaya secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut:

- Kerugian akibat arahan pihak kerajaan, pihak berkuasa, atau penguatkuasa kastam;
- Kerugian yang dilakukan secara sengaja oleh Orang Yang Diinsuranskan;
- Kerugian yang tidak berlaku di dalam Tempoh Insurans;
- Keganasan;
- Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, kekacauan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rusuhan atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang menyalahi undang-undang yang ditubuhkan atau pemberontakan;
- Ketika melakukan atau cubaan untuk melakukan tindakan bertentangan dengan undang-undang dan tindakan jenayah.

Bahagian 4 – Syarat

1. Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Perlaksanaan dan penunaian terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini harus dilakukan atau tidak harus dilakukan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi guamannya hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat bayaran mengikut Polisi ini.

2. Notis Kecuali Notis Tuntutan Sebagaimana Yang Diperuntukkan di Bawah

Setiap notis atau sebarang komunikasi yang akan diberikan atau dibuat mengikut Polisi ini oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil guaman peribadinya harus dihantar secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat.

3. Salah Nyataan atau Kesilapan Fakta

Tertakluk kepada kewajipan pendedahan Orang Yang Diinsuranskan yang berkaitan, syarikat tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat salah nyataan atau sebarang kesilapan fakta di dalam Borang Cadangan.

4. Pertukaran Alamat Atau Butiran Diri

Orang Yang Diinsuranskan harus menyerahkan notis bertulis secara serta-merta kepada Syarikat sekiranya terdapat pindaan di atas nama, alamat surat-menyurat di Malaysia dan status perkahwinan. Orang Yang Diinsuranskan juga harus menyatakan sebelum pembaharuan Polisi sekiranya terdapat sebarang Kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau masalah kesihatan yang dialami dan diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan.

5. Perubahan

Syarikat berhak meminda terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini dan sebarang pindaan hanya sah jika dibenarkan oleh Syarikat dengan pengeluaran Endorsemen.

6. Tuntutan

(a) Notis Tuntutan

Semua tuntutan mestilah dibuat secara bertulis dan diserahkan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Kerugian. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan kepada Syarikat untuk pemeriksaan segala dokumen yang berkaitan pada bila-bila masa yang munasabah dan hendaklah bekerjasama dengan Syarikat dalam semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan untuk mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan Orang Yang Diinsuranskan. Notis bertulis tuntutan yang diberikan oleh atau bagi Orang Yang Diinsuranskan kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat di Malaysia atau mana-mana ejen yang diberi kuasa Syarikat, akan disifatkan sebagai notis kepada Syarikat.

(b) Bukti Kerugian

Bukti kerugian secara bertulis perlu dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Tarikh Kerugian. Kegagalan untuk memberikan bukti tersebut dalam tempoh yang dikehendaki tidak akan membatalkan atau mengurangkan apa-apa tuntutan jika tidak dapat memberikan bukti dalam tempoh tersebut dengan syarat bukti tersebut diberikan secepat mungkin dan tidak dalam sebarang kejadian, kecuali apabila ketiadaan kapasiti undang-undang, lewat daripada satu tahun (1) dari masa bukti dikehendaki.

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Syarikat sekiranya tuntutan yang dibuat oleh Orang Yang Diinsuranskan:

- (i) laporan polis;
- (ii) slip/resit/penyata akaun bank pengeluaran Wang Tunai ATM atau apa-apa keterangan lain yang memuaskan;
- (iii) laporan perubatan dan resit asal;
- (iv) sijil kematian;
- (v) kemasukan ke hospital/nota discaj atau ringkasan;
- (vi) dokumentasi yang menyatakan nilai dan hakmilik.

Semua dokumen dan bukti mesti disediakan di atas perbelanjaan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri di dalam bentuk dan

keadaan yang diperlukan dan senarai yang dinyatakan di atas adalah tidak terhad. Syarikat berhak untuk meminta apa-apa dokumen yang berkaitan yang mungkin diperlukan dan munasabah untuk menyokong tuntutan Orang Yang Diinsuranskan di atas perbelanjaan Orang Yang Diinsuranskan.

7. Bayaran Premium

Bayaran premium berkenaan Polisi ini hendaklah dibuat sebelum memulakan perlindungan dan/atau tarikh pembaharuan. Penerimaan premium oleh Syarikat akan membentuk persetujuan untuk pembaharuan. Sebarang kenaikan atau pengurangan premium serta pindaan perlindungan atau penolakan pembaharuan akan diberitahu secara bertulis oleh Syarikat tiga puluh (30) hari dari tarikh Polisi berkuatkuasa.

8. Pembaharuan Polisi (Tahunan)

Polisi ini boleh diperbaharui dengan persetujuan Syarikat dari terma kepada terma, dengan bayaran premium yang lebih awal pada kadar premium Syarikat berkuatkuasa pada masa pembaharuan.

9. Penamatan Insurans

(a) Penamatan oleh Orang Yang Diinsuranskan

Syarikat memberi Orang Yang Diinsuranskan tempoh lima belas (15) hari 'tempoh bertenang' dari tarikh pengeluaran Polisi ini untuk membaca dan memahami Polisi ini. Jika Orang Yang Diinsuranskan memutuskan untuk membatalkan Polisi ini dengan mengembalikan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh pengeluaran Polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan berhak kepada bayaran balik penuh premium yang telah dibayar.

Jika Orang Yang Diinsuranskan memberi notis kepada Syarikat untuk menamatkan Polisi ini (sama ada semasa lima belas (15) hari 'tempoh bertenang' di atas atau pada masa yang lain), penamatan itu akan berkuatkuasa pada tarikh apabila notis itu diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, mana-mana terkemudian.

Jika premium telah dibayar untuk apa-apa tempoh selepas tarikh tamat Polisi ini, Skala Kadar Tempoh Pendek Syarikat akan berkuatkuasa dengan syarat bahawa tiada tuntutan telah dibuat dalam Tempoh Insurans yang wujud pada ketika itu.

Skala bagi Kadar Tempoh Pendek berikut hendaklah digunakan:

Tempoh Diinsuranskan	Peratusan Premium Tahunan yang Dikenakan
2 Bulan (Minimum)	40%
3 Bulan	50%
4 Bulan	60%
5 Bulan	70%
6 Bulan	75%
Lebih 6 Bulan	100%

(b) Penamatan oleh Syarikat

Syarikat akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Orang Yang Diinsuranskan pada alamat surat-menyurat terakhir yang diketahui. Penamatan itu akan berkuatkuasa tujuh (7) hari selepas tarikh notis itu. Jika premium telah dibayar untuk apa-apa tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini premium pro-rata hendaklah dipulangkan kepada Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat bahawa tiada tuntutan telah dibuat dalam Tempoh Insurans yang wujud pada ketika itu.

(c) Penamatan Secara Automatik

- (i) Polisi ini akan luput/tamat pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir Tempoh Insurans.
- (ii) Polisi ini akan luput/tamat apabila Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun pada pertengahan malam (masa piawai Malaysia).
- (iii) Perlindungan secara automatik ditamatkan selepas kegagalan percubaan atas permintaan untuk pembayaran seperti yang dinyatakan dalam Jadual atau Endorsemen.
- (iv) Polisi ini akan tamat apabila tuntutan telah dibayar oleh Syarikat bagi 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan sama ada untuk Kematian atau Hilang Upaya Kekal semasa Tempoh Insurans yang wujud pada ketika itu.
- (v) Polisi ini hendaklah tamat apabila tuntutan yang dibayar oleh Syarikat bagi 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan sama ada untuk Kematian atau Hilang Upaya Kekal dalam Tempoh Insurans yang wujud pada ketika itu jika Syarikat diberitahu secara bertulis dengan bukti dokumentari yang menyatakan kematian Orang Yang Diinsuranskan. Jika premium telah dibayar bagi apa-apa tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, Skala Kadar Tempoh Pendek Syarikat yang sama hendaklah digunapakai. Tarikh Penamatan hendaklah pada tarikh Syarikat menerima notis kematian Orang Yang Diinsuranskan.

10. Mata Wang dan Kadar Tukaran

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah membuat Pengeluaran Wang Tunai ATM yang terletak di luar Malaysia dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia [RM/MYR] dan telah berlaku Ragut atau Percubaan Ragut terhadap Orang Yang Diinsuranskan, Syarikat hendaklah menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan atau wakil guaman/peribadinya dalam Ringgit Malaysia ([RM/MYR] berdasarkan kadar pertukaran yang dipetik (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh kejadian Ragut atau Percubaan Ragut.

11. Undang-Undang yang Termaktub

Polisi ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul berdasarkan Polisi ini harus ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan menurut Undang-Undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atasnya.

Tidak ada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti akan dibawa untuk memulihkan Polisi ini sebelum berakhirnya tempoh enam puluh (60) hari selepas kehilangan bukti bertulis telah disediakan sejajar dengan keperluan Polisi ini.

12. Penerimaan

Syarikat tidak akan terikat dengan apa-apa notis atau apa-apa cagaran amanah, suatu lien, penyerahan hak atau apa-apa urusan lain dengan Polisi ini dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang liabiliti terhadap penerimaan Orang Yang Diinsuranskan terhadap apa-apa pampasan yang boleh dibayar dalam kontrak ini.

13. Had Wilayah

Polisi ini menyediakan perlindungan di seluruh dunia.

14. Kewajipan Pendedahan:

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan**, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Orang Yang Diinsuranskan ketahui ada berkaitan dengan keputusan Syarikat menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memohon Insurans **bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan**, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Orang Yang Diinsuranskan ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

- (c) Orang Yang Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Syarikat dengan segera sekiranya ada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

15. Kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan terhadap Penyelesaian Tuntutan

Penyelesaian Tuntutan

Syarikat akan membayar tuntutan Orang Yang Diinsuranskan termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada item bekalan yang dikenakan cukai, sehingga had Jumlah Diinsuranskan.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan layak untuk membuat tuntutan bagi Kredit Cukai Input dan sekiranya Syarikat membuat bayaran di bawah polisi ini sebagai pampasan kepada Orang Yang Diinsuranskan, Syarikat akan mengurangkan jumlah bayaran dengan menolak Kelayakan Kredit Cukai Input Orang Yang Diinsuranskan tidak kira samada Orang Yang Diinsuranskan telah menuntut Kredit Cukai Input, tertakluk kepada had Jumlah Diinsuranskan.

Notis Penting

Tunai Sebelum Perlindungan

Ini adalah syarat asas dan mutlak di bawah kontrak insurans ini bahawa premium mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak insurans ini adalah secara automatik terbatal dan tidak sah.

Polisi ini dan syarat-syarat harus diperiksa dan jika terdapat kesilapan sila kembalikan serta-merta kepada Syarikat (Ibu pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan) untuk pindaan.

Faedah, Terma-Terma dan Syarat-Syarat Berkaitan dengan Perbelanjaan Perubatan untuk Kecederaan akibat Ragut atau Percubaan Ragut untuk Pelan B

E. Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan

Syarikat akan mengganti rugi Orang Yang Diinsuranskan untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat Kecederaan yang dialami semasa Ragut atau Percubaan Ragut, dengan syarat bahawa liabiliti maksimum Syarikat yang timbul daripada mana-mana satu insiden tidak boleh melebihi amaun yang dinyatakan dalam Jadual atau Endorsemen. Perbelanjaan perubatan ialah termasuk perbelanjaan yang ditanggung untuk Hospital (termasuk Bilik dan Penginapan), klinikal, rawatan perubatan dan pembedahan (termasuk pembedahan gigi dan/atau pembedahan pembedahan kosmetik), keguguran dan kos untuk mendapatkan laporan perubatan/pembedahan/pakar perubatan/post-mortem.

Faedah ini dibayar adalah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) Laporan perubatan dan resit asal pada perbelanjaan perubatan yang ditanggung mesti dikemukakan untuk pembayaran balik.

Pengecualian kepada Faedah E

Polisi ini tidak melindungi Kematian atau Kecederaan/hilang upaya secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang berkaitan dengan kehamilan (kecuali keguguran), melahirkan anak atau apa-apa rawatan berkaitan dengan kawalan kelahiran atau rawatan berkaitan ketidaksuburan atau sebarang komplikasi lain yang timbul daripadanya.

Senarai semak dokumen sokongan yang diperlukan bagi Tuntutan

Faedah	Dokumen
Kematian/ Hilang Upaya Kekal/ Pendapatan Hospital/ Perbelanjaan Perubatan	1. Laporan polis
	2. Sijil kematian atau apa-apa keterangan lain yang memuaskan
	3. Bil perubatan/ resit asal
	4. Kemasukan ke hospital/ nota discaj atau ringkasan
Kehilangan Wang Tunai Pengeluaran dari ATM	1. Laporan polis
	2. Slip/resit/penyata akaun bank pengeluaran Wang Tunai ATM atau apa-apa keterangan lain yang memuaskan
Kehilangan atau Kerosakan kepada Barangan Peribadi akibat Ragut atau Percubaan Ragut	1. Laporan polis
	2. Dokumentasi yang menyatakan nilai dan hakmilik

IMPORTANT NOTICE TO POLICYHOLDER
NOTIS PENTING KEPADA PEMEGANG POLISI

If you have any complaints of unfair market practices by the Company, you may call or write to :
Jika anda mempunyai sebarang aduan mengenai amalan pasaran tidak adil oleh Syarikat, anda boleh menghubungi atau menulis kepada :

Complaints Unit / Unit Pengaduan

Ground Floor
Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-2264 0520
Fax: 03-2264 0602
Email : customer.service@allianz.com.my

OR / ATAU

**Ombudsman for Financial Services /
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)**

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811 / Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my

OR / ATAU

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)


Bank Negara Malaysia
Ground Floor Block C
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Toll Free: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)

Head Office

Level 29, Menara Allianz Sentral, 203, Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2264 1188 / 2264 0688 Fax: +603 2264 1199 www.allianz.com.my

 www.facebook.com/AllianzMalaysia

Customer Service

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 88 1028 Fax: +603 2264 8499 Email: customer.service@allianz.com.my

